

# LOMODIUM CAPSULE

Loperamide hydrochloride (2mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Lomodium Capsule
2. Bagaimana Lomodium Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Lomodium Capsule
4. Cara menggunakan Lomodium Capsule
5. Semasa menggunakan Lomodium Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Lomodium Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Lomodium Capsule

Untuk mengawal dan melegakan simptom - simptom cirit-birit yang berkaitan dengan penyakit keradangan usus, serta mengurangkan jumlah pembuangan dari pembedahan untuk membuat lubang di dinding perut.

## Bagaimana Lomodium Capsule berfungsi

Loperamide memberikan kesan secara langsung ke atas otot-otot usus. Ia mengurangkan pergerakan usus dan kemudian mengawal cirit-birit.

## Sebelum menggunakan Lomodium Capsule

- Bila tidak boleh menggunakan
- Jika anda alergik kepada Loperamide atau mana-mana bahan-bahan lain.
- Jika anda mempunyai sembelit.
- Jika anda mempunyai cirit birit disebabkan jangkitan.

### Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Lomodium Capsule jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Lomodium Capsule jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula menggunakan Lomodium Capsule

Ubat ini tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah 6 tahun.

Beritahu doktor / ahli farmasi anda jika anda mempunyai penyakit keradangan usus.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Lomodium Capsule

### - Berapa banyak harus digunakan

Dos orang dewasa biasa:

Cirit-birit akut: Oral, 2 kapsul pada mulanya, diikuti dengan 1 kapsul selepas setiap najis yang cair.

Cirit-birit berpanjangan: Permulaan:

Oral, 2 kapsul, diikuti oleh 1 kapsul selepas setiap najis yang cair sehingga cirit-birit dikawal.

Kawalan: Oral, 2 hingga 4 kapsul sehari dalam dos tunggal atau berbahagi setiap hari seperti yang diperlukan.

Had biasa yang ditetapkan bagi dewasa: 8 kapsul setiap hari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Lomodium Capsule untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan sembelit,

penekanan sistem saraf berpusat dan iritasi perut atau gastro-usus.

Juga, perubahan kepada degupan jantung seperti

- Peningkatan degupan jantung dan ritma jantung tidak tetap (simptom-simptom ini mungkin serius, boleh mengancam nyawa)
- Ketegangan otot
- Pergerakan yang tidak terkawal
- Mengantuk
- Susah untuk kencing
- Pernafasan yang lemah.

## Semasa menggunakan Lomodium Capsule

### - Perkara yang perlu dilakukan

Dapatkan nasihat doktor anda jika simptom-simptom tidak berubah dalam masa 2 hari.

Cecair dan terapi elektrolit yang bersesuaian termasuk garam rehidrasi oral perlu diambil untuk mencegah dehidrasi.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Lomodium Capsule.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan  
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Lomodium Capsule dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda merasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Lomodium Capsule boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

# LOMODIUM CAPSULE

Loperamide hydrochloride (2mg)

---

Sakit perut, kembung atau ketidakselesaan, sembelit, mengantuk atau pening, kering mulut, rasa loya dan muntah-muntah, keletihan, tindak balas hipersensitiviti termasuk ruam kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### Lomodium Capsule

#### - *Penyimpanan*

Pastikan bekas ditutup rapat.

Simpan di tempat yang kering di bawah 30°C.

Lindungi daripada cahaya.

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

#### - *Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

#### - *Rupa dan warna produk*

Kapsul gelatin keras berwarna hijau / kelabu dengan serbuk putih.

#### - *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif

Loperamide HCl

- Bahan tidak aktif

Lactose Powder 200 Mesh, Magnesium Stearate, Aerosil 200

#### - *Nombor MAL*

MAL19913258AZ

## Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5, Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600 Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

03/08/2018

## Nombor Siri:

NPRA(R4/1)030818/00227